

D.R. 13/2005

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans 1996.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Insurans (Pindaan) 2005.

Pindaan tajuk panjang

2. Akta Insurans 1996 [*Akta 553*]; yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan menggantikan perkataan "dan perniagaan pengajusteran" dengan perkataan ", perniagaan pengajusteran dan perniagaan nasihat kewangan".

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—
 - (a) dengan memasukkan selepas takrif "penanggung insurans tempatan" takrif yang berikut:

' "penasihat kewangan" ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan nasihat kewangan;';

Rang Undang-Undang

- (b) dengan memasukkan selepas takrif "tuntutan insurans" takrif yang berikut:

"wakil penasihat kewangan" ertinya seseorang individu walau apa pun nama yang digunakan, yang bekerja secara langsung dengan atau bertindak bagi atau melalui perkiraan dengan seorang penasihat kewangan, yang melaksanakan bagi penasihat kewangan mana-mana fungsi seorang penasihat kewangan selain kerja yang biasanya dilaksanakan oleh akauntan, kerani atau juruwang, sama ada saraannya, jika ada, adalah melalui pembayaran gaji, upah, komisen atau selainnya dan termasuk seorang pegawai penasihat kewangan yang melaksanakan bagi penasihat kewangan mana-mana fungsi tersebut, sama ada atau tidak saraannya adalah seperti yang disebut terdahulu;';

- (c) dengan memasukkan selepas takrif "perniagaan hayat" takrif yang berikut:

' "perniagaan nasihat kewangan" ertinya mana-mana atau semua perkhidmatan yang berikut:

- (a) menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang yang berhubungan dengan produk insurans;
 - (b) mengesyorkan produk insurans yang sesuai;
 - (c) mendapatkan produk insurans daripada penanggung insurans berlesen;
 - (d) mengatur kontrak-kontrak berkenaan dengan produk insurans; atau
 - (e) perkhidmatan kewangan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank;';
- (d) dalam takrif "perniagaan berlesen", dengan menggantikan perkataan "atau perniagaan pengajusteran" dengan perkataan ", perniagaan pengajusteran atau perniagaan nasihat kewangan"; dan
- (e) dalam takrif "pemegang lesen", dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan".

Pindaan seksyen 9

4. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) —

- (i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan itu;
- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan "; atau";
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - "(d) perniagaan nasihat kewangan."; dan
- (iv) dengan memasukkan di hujung subseksyen itu peruntukan yang berikut:

"Penasihat kewangan - Pemenjaraan selama dua tahun atau dua juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Perenggan (1)(d) tidak terpakai bagi —

- (a) seseorang penanggung insurans berlesen atau broker insurans berlesen;
- (b) suatu institusi berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];
- (c) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];
- (d) seseorang pengendali takaful atau broker takaful sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312];
- (e) seseorang ejen insurans atau ejen pengendali takaful;
- (f) suatu syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [Akta WO];

Rang Undang-Undang

- (g) seseorang peguam bela dan peguam cara atau akauntan yang menjalankan amalan yang menjalankan perniagaan itu semata-mata bersampingan dengan amalan profesionnya;
- (h) seseorang yang merupakan tuan punya suatu surat khabar dan pemegang sesuatu permit yang dikeluarkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [*Akta 301*] yang-
 - (i) setakat surat khabar itu diedarkan secara am kepada orang awam, ia diedarkan hanya kepada pelanggan dan pembeli surat khabar itu kerana nilai;
 - (ii) nasihat itu diberi, atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau diisytiharkan hanya melalui surat khabar tersebut;
 - (iii) orang itu tidak menerima komisen atau balasan lain bagi memberi nasihat itu, atau mengeluarkan atau mengisytiharkan analisis atau laporan itu; dan
 - (iv) nasihat itu diberi, atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau diisytiharkan semata-mata bersampingan dengan perjalanan perniagaan orang itu sebagai tuan punya surat khabar;
- (i) seseorang yang memiliki, mengendalikan atau memberikan sesuatu perkhidmatan maklumat melalui perantaraan elektronik, penyiaran atau telekomunikasi yang—
 - (i) perkhidmatan itu secara am boleh didapati oleh orang awam di Malaysia;
 - (ii) nasihat itu diberi, atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau diisytiharkan hanya melalui perkhidmatan itu;
 - (iii) orang itu tidak menerima komisen atau balasan lain bagi memberi nasihat itu, atau bagi mengeluarkan atau mengisytiharkan analisis atau laporan itu; dan

- (iv) nasihat itu diberi, atau analisis atau laporan itu dikeluarkan atau diisytiharkan semata-mata bersampingan dengan pemilikan orang itu, pengendalian atau pemberian perkhidmatan itu; atau
- (j) mana-mana orang lain yang Bank boleh tentukan."

Pindaan seksyen 10

5. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan " , ajuster atau penasihat kewangan";
- (b) dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan " , ajuster atau penasihat kewangan"; dan
- (c) dengan memasukkan di hujung seksyen itu peruntukan yang berikut:
 - "Penasihat kewangan - Pemenjaraan selama dua tahun atau dua juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar."

Pindaan seksyen 11

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

"Penggunaan perkataan "insurans", "asurans", "pengunderait" atau "penasihat kewangan"

11. (1) Kecuali dengan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu—

- (a) tiada seorang pun selain pemegang lesen boleh menggunakan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait"; dan
- (b) tiada seorang pun yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan boleh menggunakan perkataan "penasihat kewangan",

atau apa-apa terbitannya dalam mana-mana bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan mana-mana perniagaan berlesen dalam nama, perihalan atau hakmilik yang di bawahnya dia menjalankan perniagaan atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, kertas surat, notis atau iklan atau dengan apa-apa cara lain.

Penalti: Lima ratus ribu ringgit. Penalti ingkar.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) seseorang yang menyertakan kepada namanya suatu kelayakan insurans yang diberikan kepadanya oleh suatu badan yang ditetapkan, jika kelayakan yang disertakan sedemikian diikuti dengan nama ringkas badan itu;
- (b) sesuatu persatuan pemegang lesen atau persatuan pekerja pemegang lesen;
- (c) seseorang ejen insurans yang didaftarkan dengan Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia berhubung dengan penggunaan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" dalam perenggan (1)(a); dan
- (d) orang yang disebut dalam perenggan 9(3)(a) hingga (d) berhubung dengan penggunaan perkataan "penasihat kewangan" dalam perenggan [1](b)".

Pindaan seksyen 13

7. Subseksyen 13(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau perniagaan pengajusteran" dengan perkataan ", perniagaan pengajusteran atau perniagaan nasihat kewangan."

Pindaan seksyen 14

8. Perenggan 14(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau perniagaan pengajusteran" dengan perkataan ", perniagaan pengajusteran atau perniagaan nasihat kewangan".

Pindaan seksyen 17

9. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "dan ajuster" dengan perkataan ", ajuster dan penasihat kewangan";
- (b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "atau perniagaan pengajusteran" dengan perkataan ", perniagaan pengajusteran atau perniagaan nasihat kewangan"; dan
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan".

Pindaan seksyen 18

10. Subseksyen 18(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen".

Pindaan seksyen 23

11. Seksyen 23 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen".

Pindaan seksyen 24

12. Perenggan 24(2)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan".

Pindaan seksyen 26

13. Seksyen 26 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan ' atau "ajuster berlesen" ' dengan perkataan ' , "ajuster berlesen" atau "penasihat kewangan berlesen" ' .

Pindaan seksyen 28**14. Seksyen 28 Akta itu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi seseorang penasihat kewangan berlesen yang juga merupakan seorang pemegang lesen di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*] atau Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [*Akta 499*] berkenaan dengan aktiviti yang dilesenkan di bawah Akta itu."

Pindaan seksyen 31**15. Seksyen 31 Akta itu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1) —
 - (i) dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen"; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(ca) penasihat kewangan berlesen itu telah berhenti menjalankan perniagaan nasihat kewangan;"
- (b) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen"; dan
- (c) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen".

Pindaan seksyen 32**16. Subseksyen 32(2) Akta itu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan".**

Pindaan seksyen 33

17. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan"; dan

(ii) dengan memasukkan di hujung subseksyen itu peruntukan yang berikut:

"Penasihat kewangan - Pemenjaraan selama dua tahun atau dua juta ringgit atau kedua-duanya. Penalti ingkar.";

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "atau seseorang ajuster" dengan perkataan ", seseorang ajuster atau seseorang penasihat kewangan"; dan

(c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "atau ajuster" dengan perkataan ", ajuster atau penasihat kewangan".

Pindaan seksyen 67

18. Seksyen 67 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen"; dan

(b) dengan menggantikan perenggan (3)(b) dengan perenggan yang berikut:

"(b) dalam hal semua pemegang lesen yang lain atau pengawalnya, meluluskan atau menolak permohonan itu."

Pindaan seksyen 70

19. Seksyen 70 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "atau pengurus" dengan perkataan ", pengurus atau wakil penasihat kewangan";

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Tiada penasihat kewangan berlesen boleh melantik seorang wakil penasihat kewangan kecuali dia telah terlebih dahulu memperoleh kelulusan bertulis daripada Bank bagi pelantikan yang dicadangkan itu."; dan

- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "subseksyen (1)" perkataan "atau subseksyen (1A), mengikut mana-mana yang berkenaan".

Pindaan seksyen 71

20. Perenggan 71(2)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen".

Pindaan seksyen 73

21. Seksyen 73 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Seseorang penasihat kewangan berlesen hendaklah memberitahu Bank secara bertulis bahawa seseorang telah berhenti menjadi wakil penasihat kewangannya dan sebab baginya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberhentian itu.

Penalti: Lima puluh ribu ringgit."

Pindaan seksyen 139

22. Seksyen 139 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "atau pengajusteran insurans" dengan perkataan ", pengajusteran insurans atau perniagaan nasihat kewangan"; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan "atau ajuster berlesen" dengan perkataan ", ajuster berlesen atau penasihat kewangan berlesen".

Pindaan seksyen 150

23. Seksyen 150 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "atau ejen insurans" dengan perkataan ", ejen insurans, penasihat kewangan berlesen atau wakil penasihat kewangan"; dan
- (b) dalam perenggan 4(c), dengan memasukkan selepas perkataan "seseorang ejen insurans," perkataan "seseorang penasihat kewangan berlesen atau seseorang wakil penasihat kewangan,".

Pindaan seksyen 184

24. Seksyen 184 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan "dan broker insurans" dengan perkataan ", broker insurans dan penasihat kewangan"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(4) Tiada penasihat kewangan berlesen boleh merundingkan suatu kontrak insurans dengan seseorang penanggung insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini.

Penalti: Pemenjaraan selama dua tahun atau dua juta ringgit atau kedua-duanya."

Pindaan seksyen 185

25. Seksyen 185 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "broker insurans" perkataan "dan penasihat kewangan"; dan

(b) dalam subseksyen (2) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "broker insurans berlesen" perkataan "atau penasihat kewangan berlesen"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "perniagaan pembrokeran insurans" perkataan "atau perniagaan nasihat kewangan, mengikut mana-mana yang berkenaan".

Pindaan seksyen 188

26. Subseksyen 188(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "atau perniagaan pembrokeran insurans" dengan perkataan ", perniagaan pembrokeran insurans atau perniagaan nasihat kewangan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Insurans 1996 ("Akta 553") untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan suatu kelas perniagaan berlesen baru dan suatu kelas pemegang lesen baru yang berhubungan dengan perniagaan nasihat kewangan dan penasihat kewangan masing-masing.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta 553 untuk memasukkan pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan nasihat kewangan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 553 untuk memasukkan takrif "penasihat kewangan", "wakil penasihat kewangan" dan "perniagaan nasihat kewangan" dan untuk meminda takrif "perniagaan berlesen" dan "pemegang lesen" untuk memasukkan perniagaan nasihat kewangan dan penasihat kewangan masing-masing.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(1) Akta 553 untuk memasukkan perniagaan nasihat kewangan sebagai suatu kelas perniagaan berlesen baru di bawah Akta 553 dan melarang mana-mana orang daripada menjalankan perniagaan itu tanpa lesen. Subseksyen baru 9(3) mempekenalkan bahawa larangan ini tidak terpakai bagi orang yang disenaraikan dalam perenggan 9(3)(a) hingga (j).

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 553 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengemukakan dirinya sebagai seorang penasihat kewangan melainkan dia dilesenkan di bawah Akta 553.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 553 dengan menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang selain pemegang lesen daripada menggunakan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" dan mana-mana orang yang tidak dilesenkan di bawah Akta 553 untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan menggunakan perkataan "penasihat kewangan" atau apa-apa perkataan lain yang boleh ditafsirkan sebagai menjalankan mana-mana perniagaan berlesen tanpa kelulusan Bank. Subseksyen 11(2) yang baru memperuntukkan bahawa larangan itu tidak terpakai bagi seseorang ejen insurans berhubung dengan penggunaan perkataan "insurans", "asurans" atau "pengunderait" dan orang yang disebut dalam perenggan 9(3)(a) hingga (d) berhubung dengan penggunaan perkataan "penasihat kewangan".
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 13(2) Akta 553 untuk mengadakan peruntukan bagi Bank sebagai pihak berkuasa pelesenan bagi perniagaan nasihat kewangan.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda perenggan 14(b) Akta 553 untuk mengadakan peruntukan bahawa hanya suatu syarikat boleh menjadi pemohon lesen untuk menjalankan perniagaan nasihat kewangan.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) dan (2) Akta 553 untuk memberi kuasa kepada Bank untuk mengeluarkan lesen perniagaan nasihat kewangan dan mengenakan syarat-syarat ke atas lesen itu.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda subseksyen 18(3) Akta 553 untuk memberi kuasa kepada Bank untuk menetapkan modal syer berbayar yang minimum tidak terjejas oleh kerugian hendaklah dikekalkan oleh seseorang penasihat kewangan.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 23 Akta 553 untuk memberi kuasa kepada Bank untuk mengenakan apa-apa syarat pelesenan dan meminda apa-apa syarat yang dikenakan ke atas sesuatu lesen penasihat kewangan.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda perenggan 24(2)(b) Akta 553 untuk mengadakan peruntukan bahawa sesuatu lesen dalam hal seseorang penasihat kewangan akan dikeluarkan di bawah tandatangan Gabenor.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 553 untuk menghendaki seseorang penasihat kewangan berlesen melekatkan atau mengecat di luar setiap pejabatnya perkataan "penasihat kewangan berlesen".
15. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 553 untuk memastikan bahawa seseorang penasihat kewangan berlesen hanya menjalankan aktiviti berkaitan dengan perniagaan yang dilesenkan. Subseksyen baru 28(2) itu bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sekatan itu tidak terpakai bagi seseorang penasihat kewangan berlesen yang juga seorang pemegang lesen di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [Akta 280] atau Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [Akta 499] berkenaan dengan aktivitinya yang dilesenkan di bawah Akta itu.
16. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda subseksyen 31(1) Akta 553 dengan mengenakan ke atas seseorang penasihat kewangan berlesen hal keadaan yang sama yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang lain bagi pembatalan lesen. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 31(6) dan 31(8) Akta 553 untuk meluaskan peruntukan ini kepada seseorang penasihat kewangan berlesen.

17. *Fasal J6* bertujuan untuk meminda subseksyen 32(2) Akta 553 untuk membenarkan seseorang penasihat kewangan berlesen merayu terhadap pembatalan lesennya kepada Menteri.
18. *Fasal 77* bertujuan untuk meminda subseksyen 33(1), (2) dan (3) Akta 553 dengan mengenakan ke atas seseorang penasihat kewangan berlesen obligasi dan tanggungjawab yang sama yang dikenakan ke atas pemegang lesen yang lain jika lesen mereka dibatalkan.
19. *Fasal 18* bertujuan untuk meminda subseksyen 67(1) dan (3) Akta 553 untuk menghendaki seseorang penasihat kewangan berlesen mendapatkan kelulusan Bank sebelum memperoleh atau melupakan suatu agregat kepentingan mengenai syer yang melebihi lima peratus daripada syer penasihat kewangan itu atau pengawalnya.
20. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 70 Akta 553 untuk menghendaki seseorang penasihat kewangan berlesen mendapatkan kelulusan Bank sebelum melantik seorang wakil penasihat kewangan.
21. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda perenggan 71(2)(b) Akta 553 untuk membenarkan seseorang penasihat kewangan berlesen membuat suatu permohonan kepada Bank bagi mendapatkan pengecualian daripada pemakaian perenggan 71(1)(e) Akta 553.
22. *Fasal 2J* bertujuan untuk memasukkan subseksyen (2) ke dalam seksyen 73 Akta 553 untuk menghendaki seseorang penasihat kewangan berlesen memberitahu Bank secara bertulis apabila seseorang telah berhenti daripada menjadi wakil penasihat kewangannya.
23. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 139 Akta 553 untuk menghendaki seseorang penasihat kewangan berlesen mendapatkan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu bagi pemindahan perniagaannya.
24. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda subseksyen 150(4) dan perenggan 150(4)(c) Akta 553 untuk melarang seseorang penasihat kewangan berlesen atau wakil penasihat kewangan daripada mendorong seseorang membuat sesuatu kontrak insurans dengan cara yang tidak wajar.
25. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan subseksyen (4) ke dalam seksyen 184 Akta 553 untuk melarang seseorang penasihat kewangan berlesen daripada merundingkan sesuatu kontrak insurans dengan seseorang penanggung insurans yang tidak dilesenkan di bawah Akta 553.
26. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda subseksyen 185(2) Akta 553 bagi melarang seseorang penasihat kewangan berlesen daripada membayar mana-mana orang yang bukan pekerjanya sesuatu fi atau komisen, secara tunai atau berupa wang untuk mensolisit perniagaan nasihat kewangan bagi dirinya kecuali dengan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu.
27. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda subseksyen 188(1) Akta 553 untuk menghendaki pemulangan wang oleh seseorang yang menjalankan perniagaan nasihat kewangan tanpa lesen.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2465]